

PERKEMBANGAN INDUSTRI PELABURAN SAHAM DI MALAYSIA

THE GROWTH OF SHARE INVESTMENT INDUSTRY IN MALAYSIA

Nurfahiratul Azlina Binti Ahmad ¹
Dr. Azreen Hamiza Binti Abdul Aziz ²
Profesor Madya Dr. Zakaria Bin Bahari ³

¹ Phd Student, Centre For Islamic Development Management Studies (USM), Malaysia & Lecturer, Academy of Contemporary Islamic Studies (UiTM), Malaysia (E-mail: adynas2769@gmail.com/fahiratul@uitm.edu.my)

² Centre For Islamic Development Management Studies (USM), Malaysia (E-mail: azreenhamiza@usm.com)

³ Centre For Islamic Development Management Studies (USM), Malaysia (E-mail: bzak@usm.com)

Article history

Received date : 11-5-2020

Revised date : 12-5-2020

Accepted date : 22-6-2020

Published date : 27-6-2020

To cite this document:

Ahmad, N. A., Abdul Aziz, A. H., & Bahari, Z. (2020).
Perkembangan Industri Pelaburan Saham di Malaysia.
*Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)*, 5(29), 91 - 99.

Abstrak: Kajian ini bertujuan menganalisis perkembangan industri pelaburan saham di Malaysia di mana semakin hari masyarakatnya semakin celik dan bijak dalam melabur. Urusniaga saham berlaku sejak akhir abad ke 19 lagi secara tidak rasmi di mana para broker saham bertemu dengan pelabur secara santai sehingga pada 1964 Bursa Saham Malaysia telah ditubuhkan secara rasmi apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada tahun 1963. Pasaran saham di Malaysia merangkumi pasaran saham Islam dan pasaran saham konvensional. Perbezaan antara keduanya ialah pasaran saham Islam didasari dengan prinsip syariah manakala pasaran saham konvensional tidak. Pemilihan sektor-sektor yang pelbagai menarik ramai pelabur memiliki pemilikan dalam saham yang diperdagangkan. Sehingga kini terdapat 683 saham syarikat daripada 901 saham syarikat di Bursa Malaysia adalah patuh syariah. Saham-saham ini dikawal dan disemak oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (MPSSC) setiap tahun. Aktiviti pelaburan dan proses jual beli saham di Bursa Malaysia sentiasa akan dipantau oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) bagi mengelakkan sebarang manipulasi dalam kalangan para pelabur. Tren peningkatan permintaan terhadap saham-saham Islam dan kesedaran yang meluas akan pentingnya pelaburan patuh syariah dalam kalangan masyarakat telah memenuhi aspirasi kerajaan dalam struktur ekonomi agar mendesak masyarakat naik ke bahagian teratas rantai nilai dan seterusnya mempelbagaikan ekonomi Negara. Perkembangan yang menggalakkan dalam pasaran modal ini akan menjadikan Malaysia sebagai sebuah pasaran saham yang mampu menyediakan peluang pelaburan yang menguntungkan dan kompetitif kepada para pelabur di samping selaras dengan keperluan syariah. Bagi mencapai objektif ini, kajian ini akan menggunakan kajian perpustakaan dan data-data yang diperolehi akan dianalisis secara tematik dan komprehensif.

Kata Kunci: Pelaburan, Syariah, Ekonomi, Bursa Malaysia, Pemilikan

Abstract: *The purpose of this study is to analyze the growth of the Malaysian stock investment industry as most people are investing in their investments. Transactions in shares occurred since the late 19th century again unofficially where stockbrokers met with investors in a relaxed so that in 1964 the Stock Exchange of Malaysia was formally established when the Federal Malaya was formed in 1963. The stock market in India include Islam and the stock market conventional stock market. The difference between the two is that the Islamic stock market is based on shariah principles while the conventional stock market is not. The choice of various sectors attracted many investors to own shares in trading stocks. There are 683 company shares out of 901 shares in Bursa Malaysia. These stocks are regulated and reviewed by the Shariah Advisory Council of the Securities Commission (MPSSC) annually. Investment activities and stock-buying processes on Bursa Malaysia will be monitored regularly by the Syariah Advisory Council (SAC) to prevent any manipulation among investors. The rising trend of demand for Islamic stocks and the widespread awareness of the importance of Syariah-compliant investment in society have fulfilled the government's aspirations in economic structure to push the public to the top of the value chain and further diversify the country's economy. The favorable growth in the capital market will make Malaysia a stock market that can provide investors with attractive and competitive investment opportunities in line with syariah requirements. To achieve this objective, this study will use the library study and the data obtained will be analyzed thematically and comprehensively.*

Keywords: *Investment, Syariah, Economy, Bursa Malaysia, Ownership*

Pendahuluan

Kesyumulan Islam tergambar dalam sistem kehidupan yang sempurna sama ada ianya bercorak individu ataupun umum dan meliputi segenap aspek kehidupan manusia sama ada ekonomi, sosial, budaya, politik dan sebagainya. Ini termasuklah juga dalam urusan perdagangan, perniagaan dan pelaburan, maka hukum berkaitan dengannya perlulah diberikan perhatian dalam pelaksanaan sistem muamalah Islam.

Era globalisasi ini, kos sara hidup di negara kita semakin tinggi. Hal ini menyebabkan pelabur perlu memikirkan inisiatif lain untuk memperoleh sumber kewangan seperti menceburi bidang pelaburan. Pelabur perlu bijak membelanjakan wang mereka agar tidak dibazirkan sewenang-wenangnya untuk kegunaan masa hadapan. Dengan melabur, sedikit sebanyak dapat meringankan beban diri mahupun keluarga. Antara kepentingan melabur kepada individu ialah simpanan untuk kegunaan pada masa hadapan atau pada usia tua kelak. Ini kerana apabila usia semakin meningkat, kemampuan kita untuk bekerja semakin berkurangan. Tambahan pula, orang yang berada di sekeliling kita sekarang belum tentu mampu menyara kita pada usia tua kelak. Penting untuk kita melabur sekarang sebagai mempersiapkan diri untuk menghadapi hari tua. Sejajar dengan peribahasa, sediakan payung sebelum hujan iaitu berjaga-jaga sebelum menghadapi kesukaran yang tidak dijangka kelak. Setiap orang memerlukan sumber kewangan yang mencukupi, oleh itu pelaburan saham merupakan satu pilihan lain untuk menambahkan sumber kewangan.

Kepentingan dan sumbangan pelaburan saham ke arah pembangunan ekonomi sebuah negara dalam perjalanan ekonomi moden tidak boleh dinafikan. Ia merupakan tonggak ekonomi yang pesat bagi sesebuah negara. Peranan ini jelas kelihatan kerana sejak pelancaran pelaburan

pasaran Islam di Malaysia hampir sedekad yang lalu, ia terus berkembang dalam memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara. Pasaran modal Islam memainkan peranan utama dalam menggerakkan dana modal Islam yang berada dalam pasaran. Dana tersebut diperolehi daripada institusi ekonomi Islam seperti Tabung Haji, perbankan Islam, Takaful, Pajak Gadaai Islam, Unit Dana Islam merangkumi syarikat perniagaan Islam dan orang perseorangan yang memiliki lebihan dana untuk disuburkan melalui pelaburan secara Islam. Islam menganjurkan agar transaksi perniagaan berlaku secara adil dan jujur dengan meletakkan dua asas penting. Pertama suatu transaksi itu perlulah melibatkan barangan atau perkhidmatan yang diharuskan oleh syara'. Kedua, transaksi itu tidak melibatkan sesuatu yang membahayakan atau membinasakan kehidupan manusia. (Hussin Salamon, 2009).

Metodologi Kajian

Kajian ini dilakukan berdasarkan kajian literatur yang menyorot penulisan serta hasil kajian lepas yang berkaitan pasaran saham di Malaysia. Fokus utama kajian ini ialah perkembangan pasaran modal Islam, isu dan cabaran industri pelaburan saham Islam di Malaysia. Pelbagai definisi, konsep, isu telah dianalisa dalam membantu kajian ini dalam merungkaikan isu dan cabaran pelaburan saham. Secara umumnya, metod yang digunakan dalam menghasilkan kajian ini merupakan sebahagian daripada pendekatan kualitatif yang melibatkan sorotan dan analisis data sekunder yang diperolehi melalui dokumen, hasil kajian atau penulisan yang telah disorot. Data yang diperolehi kemudian dianalisis secara sistematik menggunakan penulisan teknik analisis kandungan.

Perkembangan Bursa Saham Malaysia

Bursa Malaysia dahulu dikenali sebagai Bursa Saham Kuala Lumpur adalah sebuah syarikat pemegang urusan niaga yang diluluskan di bawah Seksyen 15 Akta Perkhidmatan dan Pasaran Modal 2007. Pada tahun 1960, Bursa Saham Tanah Melayu telah ditubuhkan dan perdagangan saham awam bermula pada 9 Mei 1960. Pada 1961, sistem papan telah diperkenalkan di mana dua buah bilik dagangan, masing-masing satu di Singapura dan Kuala Lumpur telah disambungkan oleh barisan-barisan talian telefon terus menjadi satu pasaran tunggal dengan saham-saham serupa dan saham-saham yang disenaraikan (Hussin Salamon, 2009).

Bursa Saham Malaysia ditubuhkan secara rasminya pada tahun 1964 menggantikan Bursa Saham Tanah Melayu apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan pada tahun 1963. Pada tahun 1964, Bursa Saham Malaysia telah ditubuhkan di Malaysia dan pada tahun berikut, dengan pengeluaran Singapura daripada Malaysia, Bursa Saham Malaysia terus berkhidmat di bawah Bursa Saham Malaysia dan Singapura (SEMS). Syarikat-syarikat di Malaysia terus tersenarai di SEMS. Pada tahun 1994, ia telah dinamakan semula sebagai Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) telah dinamakan semula sebagai Bursa Malaysia pada tahun 2004. Bursa Malaysia ini telah menawarkan pelbagai rangkaian produk pasaran modal Islam yang patuh Syariah merangkumi saham, komoditi, dan sukuk (Bursa Malaysia, 2020).

Pasaran saham merupakan tempat yang membolehkan umat Islam menyalurkan harta bagi menjalankan kegiatan ekonomi. Ia adalah suatu organisasi yang menyediakan kemudahan untuk membeli dan menjual saham yang disenaraikan di bursa (Othman, 1991). Urus niaga saham yang dilakukan di Bursa Saham tidak memerlukan pihak penjual dan pembeli untuk bersua muka secara langsung. Urus niaga saham ini diharuskan dalam ajaran Islam

sebagaimana ulama bersependapat jual beli saham sama seperti jual beli barangan lain dan perlu memenuhi syarat sah jual beli. Ulama menggunakan kaedah *masalih mursalah* kerana urus niaga saham boleh membantu perkembangan perniagaan dan ekonomi. Sesebuah syarikat biasanya akan menerbitkan saham untuk memperoleh dana bagi meneruskan operasi dan mengembangkan perniagaan tanpa perlu membuat pinjaman daripada lain-lain sumber seperti pinjaman daripada bank. Ini bermakna, pembelian saham mempunyai risiko tertentu seperti prestasi syarikat merosot, harga saham syarikat mungkin akan jatuh dan pembeli saham mungkin tidak akan menerima sebarang dividen (Azlin & Nurul, 2017).

Selain itu juga ia adalah patuh syariah dan selamat kerana aktiviti pelaburan dan proses jual beli saham di Bursa Malaysia sentiasa dipantau oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC-Securities Commission) bagi mengelakkan manipulasi. Di Malaysia, pelabur beruntung kerana Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (MPSSC) sentiasa menilai aktiviti perniagaan syarikat-syarikat awam yang tersenarai. Syarikat yang memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh MPSSC sahaja akan diklasifikasikan sebagai patuh syariah. Sehingga 25 Mei 2018, terdapat 693 saham syarikat patuh syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia. Di samping itu, ia juga mudah kerana boleh membeli dan menjual pada bila-bila masa sahaja. Modal boleh dimasukkan ke dalam akaun saham pada bila-bila masa atau bila kita sudah bersedia untuk mula membeli saham. Untung yang diperolehi juga boleh dikeluarkan pada bila-bila masa. Seterusnya ia juga mudah untuk mendapat keuntungan. Ini kerana apabila pelabur memiliki saham dalam sesebuah syarikat, pelabur dianggap sebagai “pemegang saham”. Sebagai pemegang saham, pelabur adalah sebahagian daripada pemilik syarikat dan berhak ke atas keuntungan (dividen) yang dijana oleh syarikat (Suruhanjaya Sekuriti, 2020).

Pemegang saham akan diberikan keuntungan mengikut saiz pelaburan yang dilabur dalam syarikat tersebut iaitu pemberian dividen. Biasanya pengumuman pemberian dividen akan dibuat beberapa hari sebelum ia diberikan kepada para pemegang saham dan ini akan menarik perhatian para pelabur yang lain untuk membeli unit amanah saham syarikat tersebut. Ini akan menyebabkan harga saham itu meningkat tetapi ada juga yang sebaliknya apabila nilai dividen yang ditawarkan tidak seperti yang dijangkakan oleh para pelabur.

Isu dan cabaran

Pasaran saham Islam Malaysia yang diniagakan dikenali sebagai kaunter-kaunter lulus syariah. Kaunter ini dikawal selia sepenuhnya oleh pihak Suruhanjaya Sekuriti melalui Majlis Penasihat Syariah bagi memastikan perniagaan dan aktiviti yang dijalankan bersesuaian dengan kehendak syariah.

Terdapat 683 kaunter saham yang patuh syariah yang telah diluluskan pihak Suruhanjaya Sekuriti. Saham-saham ini akan dipastikan bebas daripada aktiviti yang tidak dibenarkan dalam Islam seperti jualan singkat, manipulasi pasaran, dagangan orang dalaman, dagangan kontra, dan dagangan margin.

Tujuan utama pelaburan adalah untuk mendapatkan keuntungan dengan membeli pada harga rendah dan menjualnya pada harga tinggi. Bagi para pelabur jangka panjang, memilih saham berdasarkan faktor-faktor asas syarikat adalah amat penting iaitu dengan mengetahui latar belakang syarikat yang bakal dilaburkan, membaca dan memahami prospektus, laporan kewangan, dan pengumuman korporat yang diedarkan oleh syarikat tersenarai kepada

pemegang saham dan orang awam. Ketika membuat pilihan untuk membeli saham, pelabur juga perlu meneliti faktor latar belakang syarikat dan pengurusannya, kekuatan kewangan syarikat, nisbah harga perolehan dan kebolehan syarikat bersaing sebelum melabur kerana ia boleh mempengaruhi harga saham (Suruhanjaya Sekuriti, 2020).

Saham bagi pelabur besar adalah perniagaan. Objektif utama perniagaan adalah memperoleh keuntungan. Pelabur akan mendapat manfaat daripada kenaikan harga saham dan dividen yang diberikan pihak syarikat. Pelabur tidak perlu membina perniagaan dengan modal jutaan ringgit, tetapi dapat menikmati daripada keuntungan syarikat-syarikat besar dengan melabur wang ke dalam syarikat tersebut. Ini kerana membeli saham bermaksud pelabur membeli sebahagian pemilikan dalam sebuah syarikat dalam bentuk ekuiti atau dipanggil saham. Peratusan pemilikan bergantung pada jumlah unit saham yang dibeli. Apabila syarikat mengumumkan dividen, pelabur yang masih menyimpan saham tersebut layak mendapat dividen mengikut unit saham yang dibeli

Pelaburan saham terdedah kepada spekulasi, namun begitu sekiranya aktiviti spekulasi ini bergantung sepenuhnya pada nasib dan melibatkan risiko tinggi serta mengandungi unsur gharar atau ketidakjelasan di mana didalamnya kemungkinan terjadinya penipuan kerana gharar termasuk melakukan penawaran palsu kerana Islam melarang transaksi yang dilakukan melalui penawaran palsu. Begitu juga dengan transaksi jualan singkat (short selling) atas barang yang belum dimiliki dalam akaun CDS (Central Depository System) iaitu menjual sesuatu yang belum jelas untuk memperoleh keuntungan transaksi adalah dilarang. Jualan singkat ini adalah dengan menjual saham yang belum memiliki ketika jualan dilakukan tetapi telah menjanjikan akan diserahkan kepada pembeli.

Seterusnya dalam pelaburan saham ini pelabur juga terdedah dengan transaksi kontra iaitu teknik pembelian saham di mana pelabur dapat mengambil peluang daripada tempoh penangguhan bayaran saham yang dibeli. Pelabur boleh membeli saham tanpa mempunyai wang yang cukup dalam akaun dan kemudian menjualnya sebelum tempoh wajib bayar tiba. Teknik ini lebih cenderung kepada teknik andaian dan teka teki terhadap pergerakan harga saham sahaja memandangkan pelabur boleh membuat andaian dan teka teki mengenai harga saham turun naik. Sedangkan perbuatan membuat andaian harga adalah bertentangan dengan konsep pelaburan saham sebenar yang dibenarkan dalam Islam. Sekiranya harga jualan seseorang pelabur yang membuat pembelian mana-mana saham akan dianggap telah membeli pemilikan atau ekuiti dalam sesebuah syarikat. (Azlin & Nurul, 2017)

Isu dalam Pelaburan Saham

Transaksi kontra

Transaksi kontra bermaksud perbezaan antara harga jualan dan belian (Mohd Salleh, 1996). Transaksi ini adalah satu kaedah pembelian saham tanpa mempunyai wang yang cukup di dalam akaun. Pelaburan yang dilakukan adalah atas dasar andaian dan teka-teka bahawa harga saham yang dibelinya akan naik sebelum sampai hari wajib bayar (Zaharuddin, 2016).

Transaksi yang dijalankan pelabur kontra yang hanya membuat andaian terhadap pergerakan harga saham untuk memperoleh keuntungan daripada perbezaan harga ini dilihat mengandungi elemen perjudian. Ini kerana keuntungan yang diperolehi oleh pemain pasaran

berupa keuntungan tanpa mengeluarkan modal juga menyamai perjudian (Noor Suhaida & Burhanuddin, 2016). Strategi yang digunakan oleh transaksi kontra ini ialah beli pada harga rendah jual pada harga tinggi. Pelabur akan membuat pesanan belian bagi saham yang harganya dijangka akan meningkat dan berhasrat untuk menjual saham apabila harganya benar-benar naik.

Transaksi kontra ini dilihat mengandungi elemen perjudian apabila pelabur kontra hanya meneka harga dan dibolehkan untuk menjual saham yang dibelinya dalam tempoh tiga hari tersebut. Sekiranya harga saham itu naik, pelabur bakal mendapat keuntungan atas angin tanpa mengeluarkan modal. Akan tetapi, sekiranya harga saham jatuh, pelabur perlu membayar kerugian kontra yang dialaminya. Keadaan ini menggambarkan permainan saham kontra ini menyerupai perjudian atau untung atau nasib sahaja seperti mana yang dilakukan 'kaki judi'. Tambahan pula aktiviti spekulasi yang sering kali dikaitkan dengan perjudian adalah bersifat jangka pendek, sama ada *intraday trading*, *contra trading* atau *daily swing trading* (Azlin Alisa & Nurul Ilyana, 2017).

Sarjana Islam menyatakan berlakunya proses jual beli palsu yang bukan bertujuan untuk menukar komoditi secara fizikal, sebaliknya hanyalah untuk mendapatkan keuntungan daripada perbezaan harga berdasarkan maklumat, khabar angin ataupun nasib semata-mata. Menurut Obaidullah (2001) dan al Sulami (2010) spekulasi bukan satu pelaburan, bahkan ia hanyalah perbuatan menduga dan meramal sama ada disertai dengan analisis dan tafsiran daripada maklumat yang relevan atau sebaliknya. Tindakan spekulasi harga pasaran dilakukan untuk mengawal pasaran dengan menguasai permintaan dan mengelirukan pelabur-pelabur melalui pelbagai teknik seperti menyebarkan maklumat palsu terhadap syarikat tertentu dengan sengaja supaya harga saham mereka jatuh, serta memalsukan harga dan produk untuk mencipta gambaran palsu terhadap pasaran. Pelaburan dan spekulasi kedua-duanya melibatkan risiko namun risiko yang dihadapi masing-masing adalah berbeza. Spekulasi mencipta dan mereka maklumat sebagai strategi perniagaan (*trading*), sedangkan pelaburan dibuat bersandarkan maklumat yang ada. Justeru, spekulasi mengandungi unsur-unsur yang diharamkan seperti *al-ihthikar*, *al-tanajush*, *ghish*, dan *tadlis* (Nor Fahimah Mohd Razif, Noor Sakinah Samsulkamal & Shamsiah Mohamad, 2017).

Cabaran-cabaran dalam Pelaburan Saham di Malaysia

Birokrasi

Faktor birokrasi memainkan peranan utama bagi menentukan memainkan peranan utama bagi menentukan pelaburan asing kedalam BSKL. Sekiranya faktor birokrasi sesebuah negara tidak terlalu ketat, ia pasti dapat menarik pelabur asing untuk melabur di sesebuah Negara. Sistem birokrasi dalam urusan pentadbiran yang merumitkan pelabur, contohnya seperti sistem pentadbiran dan pengurusan yang tidak efisien akan mengambil masa yang lama untuk meluluskan permohonan dan akan menyusahkan para pelabur asing lalu mengakibatkan pelabur asing melabur pada saham lain. Secara tidak langsung perkara ini akan memberi impak yang sangat besar kepada BSKL kerana mereka akan kekurangan pelabur dan ekonomi mereka akan merundum (Azlin Alisa & Nurul Ilyana, 2017). Oleh itu pihak berkuasa perlulah memastikan urusan pentadbiran kita sentiasa berjalan dengan lancar tanpa sebarang kesulitan yang akan memudaratkan negara agar ekonomi negara mampu berkembang dengan pesat seterusnya saham BSKL akan sentiasa meningkat dengan penambahan bilangan pelabur.

Ketidaktentuan pasaran saham

Polemik politik yang berlaku di Malaysia sedikit sebanyak memberi kesan pada pasaran saham tempatan. Tindakan pihak kerajaan tidak meneruskan dan tidak melaksanakan projek berimpak tinggi seperti projek Rel Berkelajuan Tinggi (HSR) dan Transit Aliran Massa (MRT) Fasa 3 mengganggu sentimen pelabur di pasaran tempatan dengan pengurangan harian terbesar sejak krisis kewangan Asia pada 2008 dan ini telah menyebabkan penunjuk aras utama Bursa Malaysia, indeks FBM KLCI susut 3.18 peratus atau 56.56 mata untuk ditutup pada 1,719.28.

Berdasarkan pernyataan penganalisis pasaran tempatan, Nazzarry Rosli, faktor dalaman, mempengaruhi sentimen pasaran saham tempatan kerana keuntungan beberapa saham utama sebelum ini sudah mengambil kira keuntungan daripada pembinaan projek mega. Begitu juga keputusan kerajaan menggantikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) juga mencetuskan kebimbangan kepada pelabur kerana mereka berpendapat tindakan itu memberi kesan kepada pendapatan negara. (Berita Harian, 2018).

Kenaikan kadar inflasi juga memberi kesan negatif ke atas pasaran saham. Harga-harga saham syarikat yang tidak dapat dipindahkan akibat inflasi kepada para pengguna akan terjejas lebih-lebih lagi syarikat yang terpaksa menerima margin keuntungan mereka berkurangan (Bank Negara Malaysia, 2018).

Saham syarikat dikeluarkan daripada Bursa Malaysia (delisting)

Syarikat awam di Bursa Malaysia yang berstatus PN17 atau GN3 merupakan syarikat yang bermasalah. Petunjuk yang paling penting adalah syarikat tersebut sedang mengalami kerugian yang teruk (Ali AbuSalah, 2012)

Syarikat yang tersenarai dalam kategori bermasalah ini biasanya harga unit saham akan merudum, sekiranya pelabur memegang unit saham syarikat tersebut dan tidak sempat menjual maka para pelabur akan mengalami kerugian. Seseorang pemegang saham yang rasional haruslah bijak dalam mencari syarikat yang mempunyai asas perniagaan yang baik agar tidak rugi di masa hadapan. Malangnya ramai yang cenderung mendengar khabar angin dan membeli unit saham syarikat yang mempunyai asas yang kurang baik dan bersikap spekulatif (Ismail Ibrahim, 1985).

Penutup

Memandangkan pelaburan Islam ini merupakan salah satu kaedah bagi meningkatkan sosioekonomi umat Islam, maka seharusnya satu sistem yang terancang harus disusun agar ia menjadi satu elemen yang benar-benar memberikan manfaat kepada umat Islam. Bidang pelaburan yang semakin didominasi oleh sistem ekonomi konvensional kini semakin berubah wajah khususnya di negara-negara Islam. Hal ini dilakukan dengan cara memasukkan elemen-elemen pelaburan Islam di dalamnya.

Ini bagi menggalakkan pertumbuhan yang memberansangkan dalam bidang pasaran saham Islam dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah pasaran saham yang mampu menyediakan peluang pelaburan yang menguntungkan kepada para pelabur selaras dengan keperluan syariah.

Suasana politik Malaysia yang stabil berbanding negara-negara jiran telah menarik minat pelabur asing dan tempatan untuk melabur di Malaysia. Kestabilan politik ini wujud kerana Malaysia tidak mengalami peperangan dan rusuhan kaum. Pelabur akan rasa cukup selamat dan tidak mempunyai banyak cabaran apabila melihat sejarah Malaysia yang tidak mengalami pertelingkahan. Polisi yang telus dan mesra pelabur yang diamalkan oleh kerajaan Malaysia telah membuka mata para pelabur.

Rujukan

- Ali Abusalah Elmagbrok Mohammed. (2012). *Financial Situation Of PN17 Companies Listed In The Malaysian Stock Exchange (UTHM)*. Disertasi Sarjana Sains Dalam Pengurusan Teknologi (Pengurusan Perniagaan dan Keusahawanan), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Tidak diterbitkan.
- Azlin Alisa Ahmad & Nurul Ilyana Muhd Adnan. (2017). Isu Spekulasi dan Perjudian dalam urus Niaga Saham Secara Kontra. *Islamiyyat* 39(2) 103-111.
- Abu Ghuddah, 'Abd al-Sattar. (2006). *Buhuth fi al-Mu'amalat wa al-Asalib al-Masrafiyyah al-Islamiyyah*. Jiddah: Dallah al-Barakah.
- Al Walid Ilias. (2007). *Perlaksanaan kontrak Perpindahan Saham di Bursa Malaysia: Kajian menurut perspektif Islam*. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asyraf Wajdi Dusuki. (2013). *Risiko, spekulasi dan judi dalam aktiviti pelaburan*. <http://www.asyrafwajdi.com/v25/index.php/component/k2/item/15-risiko-spekulasi-dan-judi-dalam-aktiviti-pelaburan>
- Bank Negara Malaysia. (2013). *Laporan kestabilan kewangan dan sistem pembayaran 2013*. https://www.bnm.gov.my/files/publication/fsps/bm/2013/cp02_rencana_03.pdf
- Bursa Malaysia. 2017. <https://www.bursamalaysia.com/>
- _____, *Annual Report 2018* (<http://www.bursamalaysia.com/bm/market/islamic-markets/products/bursa-malaysia-i>) Berita Harian. "HSR, MRT3 Jejas Pasaran Saham", laman sesawang *Berita Harian* diakses pada 3 Februari 2020 <https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2018/05/432123/pembatalan-hsr-mrt3-jejas-pasaran-saham>
- Emil N. Siriwardane. (2018). Limited Investment Capital and Credit Spreads. *Journal of Finance*: 1-53
- Hussin Salamon. (2009). Perkembangan Pasaran Modal Islam Dalam Pembangunan Ekonomi Negara.: *Jurnal Teknologi* (50) E: 1-10.
- Ismail Ibrahim & Aziz A. Hamid. (1985). Ciri-ciri Risiko Saham Di Pasaran Saham Kuala Lumpur. (*Jurnal Pengurusan*), (4) 49-58.
- Kamali, Mohammad Hashim. (2005). *Fiqh issues in commodity futures*. Dlm. *Financial Engineering and Islamic Contracts*, disunting oleh Iqbal, Munawar & Khan. Tariqullah, 20-57. New York: Palgrave Macmillan.
- Mohamed Hisham Yahya, Abdul Razak Abdul Hadi, Sahidah Zakaria & Jaafar Peyman.(2013). *Strategi Pelaburan Ekuiti di Bursa Malaysia*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Salleh Abdul Majid. (1996). *Pasaran Saham: Isu-isu Semasa dan Analisis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Mohd Yahya Mohd Hussin & Joni Tamkin Borhan. (2009). Analisis perkembangan pasaran saham Islam di Malaysia. *Jurnal Syariah* 17(3): 431-456.
- Noor Suhaida Kasri & Burhanuddin Lukman. (2016). *Contra trading in Bursa Malaysia Securities Berhad: A shariah and legal appraisal*. Kertas kerja al-Mu'tamar al-'Alami al-

- Hadi 'Ashar li 'Ulama' al-Shari 'ah fi al-Maliyyah al-Islamiyyah. ISRA, Kuala Lumpur, 1-2 November.
- Nor Fahimah Mohd Razif, Noor Sakinah Samsulkamal & Shamsiah Mohamad. (2017). Spekulasi Menurut Pemikiran Sarjana Ekonomi dan Sarjana Islam. Kertas kerja dibentangkan di *4th International Muamalat and Entrepreneurship Conference (IMEC 4)*, 28-29 September 2017, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
- Othman Yong. (1991). *Saham dan Anda*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn Bhd.
- _____. (1997). *Saham: Satu pengenalan Tentang Gelagat Perubahan Harga Saham Dan Maklumat Asas Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 159.
- Suruhanjaya Sekuriti. (2000). *Perancangan pelaburan peribadi untuk pelabur Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Industri Sekuriti. Diakses pada Jan 25, 2020 dari <https://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/resources/inhouse/pipbm.pdf>
- Suruhanjaya Sekuriti. (2006). *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti. Diakses pada pada Jun 25, 2018, dari <https://www.sc.com.my/wp-content/uploads/eng/html/resources/inhouse/pipbm.pdf>
- Suruhanjaya Sekuriti. (2020). *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti. Diakses pada pada Februari 25, 2020, dari <https://www.sc.com.my/my/data-statistics/islamic-capital-market/list-of-shariah-compliant-securities-by-scs-shariah-advisory-council/>
- al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd Rahman ibn Abi Bakr ibn Muhammad. (1983). *al-Ashbah wa al-Naza'ir fi Furu' Fiqh al-Shafi'iyah*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- The Straits Times*. (2017). What is 'contra trading'. <http://www.straitstimes.com/business/invest/what-is-contra-trading>
- Zaharuddin Abdul Rahman. (2016). Urus niaga saham dan hukum syariah yang perlu anda tahu sebelum mula melabur. <http://www.halalmoney.my/urusniaga-saham-dan-hukum-shariah-yang-perlu-anda-tahu-sebelum-mula-melabur/>